

04/07/2001

Cukai makanan berasaskan mi kuat kuasa April

KUALA LUMPUR, Selasa - Cukai jualan lima peratus terhadap pengeluar 10 barang makanan berasaskan mi yang mencapai jualan tahunan RM100,000 berkuat kuasa 1 April lalu, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy.

Beliau berkata, penguatkuasaan cukai berkenaan sudah dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Kementerian Kewangan.

"Keputusan itu diambil hasil kajian yang dijalankan baru-baru ini bagi mengenal pasti peniaga yang tidak membayar cukai yang dikuat kuasa mengikut Akta Cukai 1972.

"Penguatkuasaan cukai itu sepatutnya dimulakan pada 1988 dan membabitkan lebih 50 pengeluar barangan makanan berkenaan tetapi tidak dilaksanakan kerana sebab tertentu," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan wakil Pertubuhan Pengeluar Kek, Biskut, Manisan dan Mi Malaysia serta Pegawai Kanan Cukai, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di sini, hari ini.

Chan berkata, 10 barangan makanan berasaskan mi itu ialah mi segera, mi kuning, bee hoon segera, tung fun (bean vermicelli), suun Cina (transparent vermicelli), koay teow basah, yee mi, chee cheong fun, laksa basah dan laksam.

"Ini bermakna, pengeluar mi dan koay teow yang mencapai jualan sebanyak RM100,000 setahun, perlu dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972.

"Bagaimanapun, cukai berkenaan tidak dibayar kerana pengeluar tidak sedar mereka tertakluk di bawah perlesenan cukai jualan berkaitan. Pada masa sama, Jabatan Kastam juga tidak mengutip cukai jualan berkenaan sehingga kajian mengenainya dijalankan baru-baru ini," katanya.

(END)